

Bengkel Penjajaran Konstruktif FPEP UMS Perkemas Pengajaran dan Pembelajaran

Terakhir dikemaskini: Selasa, 12 Februari 2019 10:01 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 273

[Kongsi 29](#)

[Syorkan 29](#)

[Kongsi](#)

[Tweet](#)

[Share](#)



SELASA, 12

FEBRUARI - Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Bengkel Penjajaran Konstruktif bagi memantapkan serta meningkatkan lagi kaedah dan kualiti penyampaian pengajaran para pensyarah.

Pengerusi pelaksana bengkel, Dr. Junainah Jaidi berkata, ia termasuk kaedah penyampaian di dewan

kuliah, bilik tutorial serta pembelajaran menerusi sistem pembelajaran teradun atas talian (online blended learning).

“Ini merupakan sahutan terhadap inisiatif UMS dalam memperkasakan hasil pembelajaran yang menitikberatkan Outcome Based Education (OBE).

“Dalam masa yang sama, ia menyemarakkan lagi usaha UMS untuk sentiasa seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia, yang baru-baru ini dalam amanat menterinya Dr. Maszlee Malik menyatakan bahawa universiti perlu bertindak sebagai hab untuk penerapan nilai yang mudah difahami dan mudah sebatik ke dalam diri pelajar,” katanya.

Dr. Junainah berkata demikian ketika mengendalikan bengkel itu yang berlangsung di Hotelab FPEP UMS pada Sabtu.

Beliau yang juga Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa FPEP menegaskan bahawa penjajaran konstruktif tersebut dilaksanakan bagi membolehkan para pensyarah dari setiap program dapat merancang bersama dengan lebih terperinci pembelajaran yang ingin dihasilkan agar ia saling lengkap-melengkap antara satu sama lain.

Katanya, ia akhirnya akan menghasilkan pelajar yang dapat menguasai lebih banyak ilmu sekali gus dapat meningkatkan nilai kebolehpasaran apabila bergraduat kelak.

“Kita mahu graduan yang dihasilkan menepati keperluan industri sejajar dengan matlamat kerajaan untuk menghasilkan graduan yang terbukti bersedia memenuhi kehendak majikan.

“Apabila mereka bergraduat kelak mereka tahu kualiti yang mereka ada dan mereka berani untuk “menawarkan” diri kepada para majikan di luar sana,” tambah Junainah.

Sementara itu, salah seorang pakar rujuk bidang penjajaran konstruktif dan OBE UMS, Sharifah Milda Amirul memaklumkan penganjuran bengkel tersebut amat bertepatan bagi membolehkan para pensyarah akan lebih

memahami dan meningkatkan kualiti hasil pembelajaran dalam mereka bentuk kursus atau kurikulum yang dikendalikan.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan wujud kesukaran untuk mengadaptasi kaedah pengajaran ini dalam kalangan pensyarah senior, beliau yang juga Pesnyarah Program Perakaunan FPEP berpandangan bahawa ia tidak akan berlaku.

“Ini adalah kerana pensyarah senior lebih berpengalaman dan lebih arif mengenai nilai yang perlu disampaikan dalam pengajaran.

“Pensyarah senior adalah sumber inspirasi kepada saya selaku pensyarah muda, cuma mungkin disebabkan oleh kaedah yang baharu ini menggunakan aplikasi teknologi sepenuhnya, maka ia membentuk cabaran kepada pemakaian kaedah ini,” jelasnya.

Dalam pada itu Dekan FPEP, Prof. Madya Dr. Raman Noordin dalam ucapan perasmianya menyatakan bengkel itu sebagai satu manifestasi kepada usaha menjayakan kajian semula kurikulum baharu UMS yang menekankan aspek kandungan pembelajaran, kaedah penyampaian dan kesediaan infrastruktur moden.

“Saya mengucapkan syabas dan tahniah atas komitmen yang ditunjukkan para pensyarah yang untuk hadir ke bengkel ini biarpun ia diadakan pada hujung minggu.

“Semangat dan keghairahan (passion) seperti ini sudah pasti akan membolehkan UMS untuk terus kekal relevan sebagai Universiti awam yang berdaya saing di pentas global,” katanya.